

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Masa: [3 jam]

---

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Semua jawapan untuk Bahagian A dan B mestilah ditulis di ruang yang disediakan. Gunakan buku jawapan yang berasingan untuk Bahagian C dan D.

Bahagian A: (20 markah)

1. Nyatakan sama ada kenyataan-kenyataan berikut Betul atau Salah. Beri alasan bagi setiap kenyataan yang anda anggap salah.
  - a. Liputan media tentang kempen jimat-cermat, anti-dadah dan kejiranan ialah contoh media menjalankan fungsi menyalur warisan sosiobudaya seperti yang disaran oleh Lasswell.

---

---

---

---

- b. Proses yang berlaku apabila anda menukar saluran televisyen daripada rancangan berita kepada rancangan hiburan dinamakan pemilihan tanggapan.

---

---

---

---

...2/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- c. Kepercayaan yang mendalam terhadap radio sebagai sumber berita menyebabkan siaran 'War of the Worlds' (1938) menakutkan segolongan pendengar yang menyangka makhluk asing benar-benar telah menyerang bumi.

---

---

---

---

- d. Menurut Schramm, Lyle dan Parker (1961), kebanyakan isi kandungan televisyen untuk kanak-kanak berasaskan hakikat (reality).

---

---

---

---

- e. Periklanan penting kepada para usahawan kerana ia boleh menjual barangan kepada pengguna.

---

---

---

---

...3/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- f. Iklan biasanya merayu pengguna dari sudut keperluan asas, perlindungan keselamatan, keperluan kasih sayang dan keperluan memperbaiki kedudukan diri.

---

---

---

---

- g. Pada bulan Oktober 1987, lebih daripada 100 orang telah ditahan di bawah Akta Rahsia Rasmi, 1972 (pindaan 1986).

---

---

---

---

- h. Lazarsfeld dan Merton (1948) berpendapat bahawa media massa boleh menaikkan darjat seseorang bila ia telah dipilih untuk menjadi tumpuan perhatian daripada jutaan manusia lain.

---

---

---

---

...4/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- i. Model kesan komunikasi massa yang popular masakini mengandaikan media mempunyai kuasa yang kuat untuk mempengaruhi setiap individu secara langsung dan seragam.

---

---

---

---

- j. Kajian Noelle-Neumann (1973) menekankan 3 ciri komunikasi massa iaitu konsonan, penggandaan dan gabungan pelbagai budaya, bergabung untuk menghasilkan kesan-kesan yang kuat ke atas pendapat umum.

---

---

---

---

**Bahagian B:** (10 markah)

2. Pilih jawapan yang betul dengan menanda bulatan pada abjad di sebelah pilihan jawapan.

- a. Teori \_\_\_\_\_ diasaskan atas idea bahawa media mungkin tidak memberitahu kita supaya berfikir tetapi apa yang harus difikirkan.

- A. Aliran dua peringkat.
- B. Pendapat umum.
- C. Penetapan agenda.
- D. Penyerapan-pembaharuan.
- E. Tiada satu pun di atas.

...5/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

- b. Penonton komunikasi massa adalah
- A. seragam, ramai, boleh dikenali.
  - B. pelbagai ragam, ramai, boleh dikenali.
  - C. seragam, ramai, tidak dikenali.
  - D. pelbagai ragam, ramai, tidak dikenali.
  - E. tiada satu pun di atas.
- c. Manakah tindakan oleh penyunting akhbar yang berikut menggambarkan konsep "gate keeping"?
- A. Menyiarkan berita.
  - B. Tidak menyiarkan berita.
  - C. Mengolah semula berita.
  - D. Semua di atas.
  - E. Tiada satu pun di atas.
- d. Surat kepada pengarang di dalam akhbar ialah satu bentuk
- A. Gangguan
  - B. Propaganda
  - C. Saluran
  - D. Kritikan
  - E. Maklumbalas
- e. Sarjana yang mula-mula menggunakan istilah "pseudo event" untuk merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang diadakan khas untuk mendapat liputan media ialah
- A. Daniel Boorstin
  - B. Walter Cronkite
  - C. Harold Lasswell
  - D. Raymond Bauer
  - E. David Berlo

...6/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

f. Siapa yang berikut pernah didakwa di bawah Akta Hasutan 1948?

- I. Fan Yew Teng
- II. Ooi Kee Saik
- III. Melan Abdullah
- IV. Lim Kit Siang
- V. Sabry Shariff

- A. I, II, IV
- B. I, III, IV
- C. I, II, V
- D. I, II, III
- E. II, III, V

g. Penerbitan mana yang berikut pernah diharamkan di Malaysia?

- I. Watan
- II. Far Eastern Economic Review
- III. Star
- IV. Sin Chew Jit Poh
- V. Nanyang Siang Pau

- A. I, II, III
- B. I, III, IV
- C. II, III, V
- D. I, III, V
- E. I dan V

h. Manakah yang berikut ialah konglomerat yang menurut John Lent (1989) memiliki kebanyakan institusi media dan bukan media di negaranya?

- A. Samsung Group
- B. Bimantara
- C. Fleet Group
- D. Straits Times
- E. Semua di atas

...7/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

i. Manakah yang berikut tidak benar bagi perhubungan awam?

- I. perhubungan awam melibatkan komunikasi massa sahaja.
- II. perhubungan awam menggunakan komunikasi satu hala.
- III. matlamat utama rancangan perhubungan awam ialah membentuk pendapat umum yang positif bagi sesuatu organisasi.
- IV. perhubungan awam terdiri daripada komunikasi di luar organisasi sahaja.
- V. perhubungan awam ialah fungsi pengurusan.

- A. I, II dan V
- B. II, III dan V
- C. I dan IV
- D. I, II dan IV
- E. Semua di atas.

j. Yang mana berikut adalah benar mengenai FINAS?

- i) ia ditubuhkan pada 1980 di bawah akta Filem Negara.
- ii) ia melancarkan bank skrip filem cereka dan dokumentari bagi skrip asli.
- iii) mendokumentasikan maklumat tentang pengeluaran, edaran dan pertunjukan filem tempatan.
- iv) ia mula beroperasi pada 1981.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV
- E. I, II, III dan IV

...8/-

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

**Arahan:** Gunakan buku jawapan untuk Bahagian C dan D.

**Bahagian C:** (30 markah)

3. Pilih ENAM (6) daripada konsep-konsep komunikasi berikut dan huraikan maksudnya. Sertakan contoh-contoh yang khusus untuk menerangkan jawapan anda.
- a) Mekanisme pertahanan diri
  - b) Piramid terbaik
  - c) Enkod dan dekod
  - d) Keburukan fungsi ketagihan (narcotizing dysfunction)
  - e) Teori kategori sosial
  - f) Teori perbezaan individu
  - g) Teori makna (meaning theory)
  - h) Teori peniruan (modeling theory)
  - i) Revolusi komunikasi
  - j) Pendekatan kegunaan dan kepuasan

**Bahagian D:** (40 markah)

Jawab mana-mana DUA (2) soalan.

4. Dalam bacaan dan perbincangan kursus, anda sering membaca atau mendengar mengenai konsep pemilihan oleh penonton. Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan pemilihan dan mengapa penonton melakukan pemilihan. Huraikan kajian-kajian dan teori yang boleh menyokong kewujudan konsep tersebut. Adakah konsep pemilihan masih mempunyai peranan yang besar dalam menerangkan kesan-kesan media mengikut pemikiran masa kini?

(20 markah)

5. Sering diperkatakan oleh para pemimpin negara dan beberapa cendekiawan bahawa kebebasan bersuara dan berakhrar yang mutlak adalah tidak sesuai di Malaysia memandangkan wujudnya beberapa keadaan tertentu. Apakah keadaan-keadaan yang dimaksudkan itu? Bincangkan had-had kebebasan yang dikenakan. Pada pendapat anda, adakah batasan-batasan terhadap kebebasan itu wajar atau tidak wajar? Mengapa?

(20 markah)

...9/-



6. "Pemaparan wanita di dalam media, khususnya televisyen, adalah berbentuk stereotaip dan ia memperkecil-kecilkan sumbangan sebenar kaum wanita."

Bincangkan kenyataan di atas dengan kritis. Perbincangan anda mestilah menyentuh pelbagai aspek kandungan media seperti iklan, drama (serius dan jenaka), berita/dokumentari, rancangan muzikal dan ruangan-ruangan khas. Berikan contoh-contoh khusus daripada rancangan televisyen tempatan apabila perlu.

(20 markah)

-oooOooo-